

**Pas Kedah sambut ulang tahun pentadbiran dalam kepincangan  
mStar Online  
Mac 16, 2012**

ALOR SETAR 8 Mac - Kerajaan Pas Kedah menyambut ulang tahun keempat pentadbirannya hari ini dalam keadaan pincang dan dicemari dengan krisis dalaman yang belum menunjukkan tanda akan selesai.

Kerajaan Pas yang diterajui Menteri Besar, Datuk Seri Azizan Abdul Razak pada masa ini dikatakan tidak dapat bergerak dengan kekuatan penuh di peringkat pembuat keputusan apabila hanya lapan Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri bertugas berbanding jumlah keseluruhan 10 Exco seperti diamalkan sebelum ini.

Beberapa portfolio seperti Pertanian dan Industri Asas Tani, Bioteknologi, Sains dan Inovasi juga belum diisi sejak majlis mengangkat sumpah pelantikan semula Exco pada 28 Februari lalu diadakan.

Menurut satu sumber, meskipun Datuk Phahrolrazi Zawawi serta Dr. Ismail Salleh bersetuju dilantik semula, jawatan mereka sebagai Exco telah terlucut dengan sendiri kerana tempoh perkhidmatan mereka luput secara rasmi mulai semalam.

Oleh itu, kata sumber tersebut, selagi tiada tawaran baharu yang perlu mendapat perkenan Sultan Kedah, Tuanku Abdul Halim Mu'adzam Shah diberikan, kedua-duanya tidak mempunyai jawatan dalam pentadbiran kerajaan negeri kecuali sebagai wakil rakyat.

"Phahrolrazi dan Ismail juga perlu mengosongkan pejabat mereka di Wisma Darul Aman serta segala kemudahan yang diberikan sebagai Exco perlu ditarik kembali.

"Bagaimanapun, mereka akan mendapat semula kemudahan itu selepas tawaran rasmi untuk dilantik sebagai Exco diterima," katanya di sini hari ini.

Sementara itu, Phahrolrazi ketika dihubungi *Utusan Malaysia* petang ini mengesahkan belum menerima surat tawaran untuk dilantik semula sebagai Exco walaupun tempoh luput perkhidmatannya untuk penggal lalu berakhir semalam.

Timbalan Pesuruhjaya I Pas negeri itu berkata, beliau masih menunggu panggilan untuk mengadakan pertemuan dan perbincangan dengan menteri besar berhubung perkara tersebut.

"Surat atau panggilan telefon apa pun saya tidak terima lagi. Prosedur macam mana nanti pun saya tidak tahu. Jadi saya tidak tahu apa portfolio yang saya bakal pegang. Apa pun kita tunggu sahaja nanti," katanya.

Menurut Phahrolrazi, beliau tidak lagi menggunakan kenderaan dan segala kemudahan yang disediakan untuk seorang anggota Exco selepas membuat keputusan enggan dilantik semula bulan lalu.

"Kereta Exco ada di rumah saya. Kalau mereka hendak datang ambil boleh sebab saya memang sudah lama tidak pakai kereta ini. Bilik saya di Wisma Darul Aman pun sudah

dikosongkan sejak bercuti, jadi tidak wajar kalau orang kata saya masih guna kereta dan kemudahan untuk Exco," ujarnya.

Sementara itu, usaha *Utusan Malaysia* untuk mendapatkan komen Dr. Ismail berhubung perkara berkenaan tidak berhasil apabila beliau gagal dihubungi.

Difahamkan, Timbalan Pesuruhjaya II Pas Kedah itu juga belum menerima surat tawaran untuk dilantik semula menjadi Exco kerajaan negeri.

Hakcipta Terpelihara © 1995-2012 Star Publications (Malaysia) Bhd

Source:

[http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2012&dt=0309&pub=Utusan\\_Malaysia&sec=Politik&pg=po\\_06.htm](http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2012&dt=0309&pub=Utusan_Malaysia&sec=Politik&pg=po_06.htm)